

Kwasa Land beri projek infrastruktur bernilai RM127 juta kepada WCT Holdings

KUALA LUMPUR: Kwasa Land Sdn Bhd, pemaju induk Kwasa Damansara, memberikan projek kerja-kerja infrastruktur utamanya bernilai RM127 juta kepada WCT Holdings Bhd.

Katanya kontrak bagi pembinaan infrastruktur biasa di perbandaran Kwasa Damansara itu akan siap dalam tempoh 104 minggu sejajar dengan jangkaan pembangunan pusat bandar MX-1 (pusat bandar utama).

Kwasa Land berkata kontrak itu termasuk pembersihan dan penyediaan tapak, kerja-kerja tanah, perbaikan jalan, kerja-kerja saliran, retikulasi pembedungan dan rawatan pembedungan serta retikulasi air.

"Di bawah kontrak itu, WCT Holdings perlu memberikan 35 peratus daripada jumlah kerja-kerja tersebut kepada sub-kontraktor Bumiputera," katanya dalam

kenyataan semalam.

Kwasa Land berkata projek tersebut adalah antara projek infrastruktur lain yang akan diumumkan dalam tempoh lima tahun akan datang bagi pembangunan perbandaran Kwasa Damansara seluas 942.92 hektar.

"Seramai 20 kontraktor pra-layak untuk bidaan bagi melaksanakan kerja-kerja infrastruktur untuk perbandaran itu. — Bernama